

Malaysia Diiktiraf Antara Destinasi Pelancongan Termurah - Ng Bernama
29 Januari, 2012

RAUB, 29 Jan (Bernama) -- Sektor pelancongan Malaysia terus mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila tersenarai di antara lapan destinasi percutian paling murah di dunia selain Vietnam dan Thailand oleh portal pelancongan murah, STA Travel United Kingdom.

Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen berkata selain itu berdasarkan laporan Organisasi Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNWTO) Malaysia menduduki tangga kesembilan dari segi ketibaan pelancong.

Manakala portal informasi dan pelancongan Lonely Planet pula meletakkan negara ini antara 10 negara yang baik untuk dilawati, katanya.

"Industri pelancongan telah banyak mengharumkan nama negara di mata dunia, malah ia merupakan sektor kelima penyumbang terbesar kepada pendapatan negara," katanya ketika berucap pada Majlis Riang Ria Tahun Baru Cina dekat sini, semalam.

Majlis dirasmikan Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Ng yang juga Anggota Parlimen Raub berkata Pahang yang dikurniakan dengan pelbagai tarikan alam semula jadi dan persekitaran yang mendamaikan menjadikan negeri itu sebagai satu daripada destinasi utama pilihan pelancong.

"Sehingga September tahun lepas seramai 9.3 juta pelancong telah berkunjung ke Pahang dan seramai 91,868 orang berkunjung ke Raub.

"Di Raub kita ada Taman Tasik Raub, Bukit Fraser yang nyaman, Lata Jarum yang terkenal dengan aktiviti perkelahan dan Jeram Besu yang popular dengan aktiviti berkayak dan perkhemahan," katanya.

Beliau berkata Pahang menerima peruntukan RM40.27 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 untuk projek-projek pembangunan di serata negeri bagi menggalakkan lagi sektor pelancongan negeri itu.

Kira-kira 10,000 pengunjung hadir pada majlis yang penuh warna-warni itu dan mereka dihiburkan dengan pelbagai persembahan nyanyian dalam pelbagai bahasa, pertunjukan akrobatik dan percikan bunga api selama 15 minit.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642740>

